

Peraturan-peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pendaftaran Orang-orang Yang Melibatkan Diri Dalam Pemprosesan Atau Pemasaran Keluaran Pertanian) 1989

- (i) Pemberitahuan dalam Warta mengikut subperaturan 3(1)
- (ii) Senarai kesalahan dan penalti

P.U (A) 420/89 bertarikh 21.12.89

AKTA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN 1965

**PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN (PENDAFTARAN ORANG-ORANG YANG MELIBATKAN
DIRI DALAM PEMPROSESAN ATAU PEMASARAN KELUARAN
PERTANIAN) 1989**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 12 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965, Lembaga dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pendaftaran Orang-Orang Yang melibatkan Diri Dalam Pemprosesan atau Pemasaran Keluaran Pertanian) 1989.** *Nama.*
2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain - *Tafsiran.*

“Lembaga” ertinya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan;

“maklumat” termasuklah apa-apa maklumat atau butir-butir yang berhubungan dengan pemprosesan atau pemasaran keluaran pertanian;

“orang” termasuklah orang perseorangan, mana-mana perbadanan, badan berkanun, syarikat kerjasama, perkongsian, persatuan dan mana-mana kumpulan orang lain, sama ada diperbadankan atau tak diperbadankan;

“pemprosesan” ertinya apa-apa aktiviti atau rangkaian aktiviti atau operasi sama ada dilakukan secara insani atau dengan jentera atau kedua-duanya bagi penyediaan hasil keluaran pertanian untuk jualan atau selainnya;

“pendaftaran” ertinya pendaftaran orang-orang yang melibatkan diri dalam pemprosesan atau pemasaran mana-mana keluaran pertanian di bawah peraturan 3.

3. (1) Lembaga boleh melalui pemberitahuan dalam *Warta* menghendaki mana-mana orang yang melibatkan diri dalam pemprosesan atau pemasaran apa-apa keluaran pertanian untuk mendaftar dengan Lembaga dan memberikan apa-apa maklumat yang difikirkan perlu oleh Lembaga berhubungan dengan keluaran pertanian itu mengikut apa-apa bentuk yang dinyatakan oleh Lembaga, iaitu maklumat yang ada dalam pengetahuanya atau yang dengan munasabah boleh didapatinya dan hendaklah termasuk maklumat-maklumat yang berikut:

- (a) apa-apa aktiviti pemasaran, termasuk pelabelan, pengepekan, penggredan, penstoran, pengangkutan dan pengkapalan keluaran pertanian;
- (b) penjualan keluaran pertanian termasuk cara-cara penjualan, nilai, saluran keluar dan eksport;
- (c) pembelian keluaran pertanian termasuk cara-cara pembelian, kuantiti, nilai, sumber dan import;
- (d) pemprosesan keluaran pertanian termasuk cara-cara, perkakas, kadar pertukaran, bahan-bahan yang digunakan dan kualiti keluaran; dan
- (e) kuantiti stok.

(2) Suatu pemberitahuan di bawah subperaturan (1) boleh menghendaki supaya maklumat itu diberikan pada masa-masa tertentu atau dalam lat-lat tempoh tertentu.

(3) Tanpa menjelaskan subperaturan (2), Lembaga boleh, sebagai tambahan kepada pemberitahuan di bawah subperaturan (1), bagi menjalankan peruntukan-peruntukan Peraturan-peraturan ini dengan lebih baik menyiarkan pemberitahuan itu dalam mana-mana akhbar tempatan yang ditentukan oleh Lembaga.

4. Lembaga boleh, jika difikirkannya adalah bagi kepentingan awam untuk berbuat demikian, menyampaikan atau mendedahkan apa-apa maklumat dari jenis am yang didapatnya di bawah peraturan 3 kepada mana-mana pihak berkuasa atau orang lain yang baginya maklumat itu mungkin berguna:

Dengan syarat bahawa penyampaian atau pendedahan maklumat itu tidaklah boleh membuat rujukan kepada mana-mana orang tertentu daripada mana maklumat itu didapatkan.

Notis bagi menghendaki butir-butir.

Penyampaian maklumat dari jenis am.

5. Mana-mana orang yang tidak mematuhi kehendak-kehendak pemberitahuan di bawah peraturan 3, atau dengan disedarinya atau secara melulu memberi atau menyebabkan diberi apa-apa maklumat palsu terhadap apa-apa perkara yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya. *Penalty.*

Diperbuat pada 21hb. Ogos, 1989
[FAMA S. 2013/7; PN. (PU2) 145/IV]

PENGERUSI,
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN

Diluluskan pada 8hb November 1989
[KP/LA/8/12; PN (PU2) 145/IV]

DATO' SERI SANUSI BIN JUNID
Menteri Pertanian

**AKTA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN 1965**

**PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN (PENDAFTARAN ORANG-ORANG YANG MELIBATKAN
DIRI DALAM PEMPROSESAN ATAU PEMASARAN KELUARAN PERTANIAN)
1989**

KEHENDAK DI BAWAH PERATURAN 3 (1)

*P.U.(A)
420/89*

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subperaturan (1) peraturan 3 Peraturan-peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pendaftaran Orang-Orang Yang Melibatkan Diri Dalam Pemprosesan atau Pemasaran Keluaran Pertanian) 1989. Lembaga menghendaki semua orang yang melibatkan diri dalam pemprosesan atau pemasaran kacang tanah mendaftar dengan Lembaga pada bulan Mei tiap-tiap tahun dan memberikan maklumat-maklumat yang difikirkan perlu oleh Lembaga berhubung dengan keluaran kacang tanah mengikut apa-apa bentuk yang dinyatakan oleh Lembaga.

Bertarikh pada 11hb. Julai, 1991
[KP/LA/8/12: PN. (PU2) 145/IV.]

SHAHIDAN BIN KASIM
Pengerusi,
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

**PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN (PENDAFTARAN ORANG YANG MELIBATKAN
DIRI DALAM PEMPROSESAN ATAU PEMASARAN
KELUARAN PERTANIAN) 1989**

Peraturan	Kesalahan	Penalti/Hukuman
3(1)(a) hingga (e) dan 3(2)	Keperluan mana-mana orang yang melibatkan diri dalam pemprosesan dan pemasaran apa-apa keluaran pertanian setelah pemberitahuan dibuat dalam Warta untuk mendaftar dengan Lembaga disamping memberikan apa-apa maklumat yang diperlukan termasuk maklumat-maklumat yang dinyatakan di bawah peraturan ini samada pada masa-masa tertentu atau lat-lat tempoh tertentu.	Melalui prosiding dan pendakwaan di Mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dihukum denda tidak melebihi RM1,000/- atau 6 bulan penjara atau keduanya sekali mengikut peraturan 5.
Hendaklah dibaca bersama peraturan 5	<p>Mana-mana orang samada,</p> <p>i) gagal mematuhi kehendak-kehendak pemberitahuan yang diminta oleh Lembaga seperti di atas,</p> <p style="text-align:center"><u>atau</u></p> <p>ii) menyedari atau secara melulu memberi atau menyebabkan diberi apa-apa maklumat palsu atas apa-apa perkara dinyatakan dalam pemberitahuan,</p> <p>adalah dianggap telah melakukan suatu kesalahan.</p>	